



NILAI BUDAYA DALAM CERITA RAKYAT MASYARAKAT ORANG ASLI TEMIAR GUA MUSANG, KELANTAN: SATU PENGAPLIKASIAN SASTERA WARISAN

MOHD FAHMI BIN ISMAIL*

MOHD FIRDAUS BIN CHE YAACOB**

mohdfahmimofis@yahoo.com

Abstrak

Masyarakat Orang Asli Temiar merupakan komuniti orang yang telah lama wujud di negara kita. Kepelbagaian nilai budaya kehidupan masyarakat menjadi lambang jati diri dan kebanggaan masyarakat ini. Oleh sebab itu, masyarakat Orang Asli Temiar ini sememangnya kaya dengan warisan cerita rakyat yang menjadi kebanggaan kepada masyarakat tersebut. Namun demikian, arus kepesatan, pembangunan dan kemajuan kemodenan menyebabkan khazanah cerita rakyat ini semakin dipinggirkan oleh masyarakat ini. Selain itu, mereka beranggapan bahawa medium lisan sebagai cerita mitos yang bercorak dongeng dan sekadar untuk berhibur semata-mata. Menerusi kajian ini, akan membincangkan satu objektif utama iaitu menganalisis nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Hal ini, dengan sendiri mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada pengkajian ilmiah yang khusus. Sehubungan itu, pengkaji akan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan bagi memastikan kelancaran dalam menjalankan kajian tersebut. Selanjutnya, kajian ini akan menerapkan Teori Sastera Warisan yang dikemukakan oleh (A. Wahab Ali, 2005) sebagai gagasan untuk memperkukuhkan dapatan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini berhasil menemukan antara nilai budaya yang selama ini menjadi landasan kepada ketamadunan masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Sementara itu, kemantapan elemen nilai budaya yang dihasilkan ini, dan diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat ini, secara tidak langsung akan melahirkan kesan-kesan tersurat dan tersirat kepada diri masyarakat komuniti ini. Kesimpulannya, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar adalah manifestasi kehidupan, adat kepercayaan dan lambang jati diri masyarakat ini.

Kata Kunci: Nilai Budaya, Cerita rakyat, Masyarakat Orang Asli Temiar, Teori Sastera Warisan

* Pelajar Sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

** Pensyarah/ PhD di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan





Abstract

Temiar indigenous people are a community of people that have long existed in our country. The diversity of the cultural life within the community makes their identity and pride. Temiar indigenous community is rich with folklore heritage which is the pride of the community. However, current rapid development and modernity has led to an increase in marginalized folklore treasures. This matter expresses one issues; what are the cultural values in Temiar indigenous community folklore and its effects on their lives. Through this study, one main objectives will be discussed is to analyze the cultural values of Temiar indigenous community folklore in Gua Musang, Kelantan . Therefore open an empty space by examine the folktales. Order to ensure the efficiency of this study, the researcher will conduct filed work and empirical literature study. Furthermore, this study will apply the Sastera Warisan theory by (A. Wahab Ali, 2005) as the notion to strengthen this study. The study managed to find the cultural values that have been the foundation of Temiar indigenous people's civilization. In addition, the stability of cultural value element created and practiced in everyday life will produce implicit and explicit effects on to oneself and the people of this community. Lastly, Temiar indigenous community folklore is a manifestation of life, beliefs and a symbol of identity to this community.

Keywords: *Cultural Values, Malay folktales, Temiar Indigenous Community, Literature Heritage Theory.*

* Postgraduate at Faculty of Modern Language and Communication, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

** Lecturer/ PhD Student at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia





1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan masyarakat berbilang kaum bangsa, agama, keturunan dan aneka adat resam . Oleh itu, keunikan dan kemasyhuran di negara ini sering kali dinilai oleh bangsa lain kerana dengan adanya khazanah warisan yang cukup tinggi dalam konteks kebudayaan masyarakat setempat. Setiap masyarakat pastinya berbeza dari segi kehidupan, agama dan kebudayaan. Salah satu dari masyarakat yang wujud di negara ini ialah masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, menurut Zawawi Ibrahim, (1996: 2) masyarakat Orang Asli terdiri daripada salah satu kelompok manusia yang sukar didekati dan enggan menerima sesuatu yang dianggap setaraf. Namun demikian, masyarakat Orang Asli boleh membentuk pemikiran yang sangat signifikan tentang sejarah asal-usul diri dan asas utama berkaitan dengan kewujudan mereka sebagai suatu komuniti manusia yang memang terasing dari dulu lagi, tersisih dan terpinggir. Selain itu, komuniti ini sangat bergantung dan menjadikan keadaan metafora, alam, serta makna-makna sejarah tersurat dan tersirat yang kekal abadi beriringan dengan lagenda mitos dan cerita-cerita asal-usul purba atau *genealogies*.

Di Malaysia, dikenal pasti terdapat tiga kumpulan utama Orang Asli iaitu Orang Asli Senoi, Orang Asli Negrito dan Orang Asli peribumi. Menerusi ketiga-tiga kumpulan ini terdapat pula beberapa pecahan masing-masing mengikut kategori misalnya, Orang Asli Senoi yang terdiri daripada kaum Semai, Temiar, Mah Meri, Che Wong, Jah Hut dan Semoq Beri. Manakala, Orang Asli Negrito yang terdiri daripada suku Kensiu, Lanoh, Mendriq, Kintak, Bateq dan Jahai. Sementara itu, Orang Peribumi (Melayu Proto) pula terdiri daripada kaum Jakun, Orang Kuala, Kanaq, Temuan, Orang Seletar dan Semelai (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2009). Namun demikian kajian ini memberikan tumpuan kepada kumpulan masyarakat Orang Asli Senoi iaitu suku kaum Temiar.

Penempatan suku kaum Orang Asli Temiar terletak di Kampung Chengkelik, dan Kampung Merlung, (Rancangan Penempatan Semula) Kuala Betis, Kelantan, Kampung Jarau Baru (Rancangan Penempatan Semula) KemarGerik, Perak, Kampung Sungai Cadak, Ulu Kinta , Perak. Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis merupakan salah satu penempatan Orang Asli Suku Temiar yang terbesar di selatan negeri Kelantan. Penempatan ini terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Gua Musang. Kediaman masyarakat Orang Asli Suku Temiar boleh dihubungi melalui jalan darat dari bandar Gua Musang menuju ke Cameron Highland, Pahang (Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman, 2012). Kajian dan pengumpulan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dilakukan di Kampung Merlong, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Masyarakat Orang Asli Temiar sememangnya kaya dengan cerita yang diwarisi oleh nenek-moyang sejak dahulu kala lagi. Cerita ini pernah menjadi medium hiburan dan pengajaran yang istimewa kepada masyarakat Orang Asli





Temiar ini (Ibrahim Marijah, 2015). Nilai budaya ini adalah elemen penting bagi penerapan amalan hidup dalam sekelompok masyarakat. Pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Taib Othman (1981) telah disokong oleh Juli Edo (2005) yang menyatakan bahawa budaya masyarakat Orang Asli juga sememangnya kaya dengan nilai budaya seperti prinsip kesamarataan, perkongsian mutlak, menghormati janji, mengutamakan kepentingan komuniti, toleransi dan beberapa nilai budaya yang lain.

Rentetan daripada itu, jelas membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar memperoleh nilai-nilai, budaya yang telah terkandung dalam setiap cerita rakyat disampaikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain. Kenyataan tersebut, disokong oleh Anidah Alias (2012) yang menyatakan budaya tradisi yang diterapkan dalam kehidupan seharian akan mencorakkan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Temiar. Selain itu, nilai-nilai budaya yang terdapat dalam sistem nilai dan adat masyarakat Orang Asli seperti kejujuran, berpegang pada janji, toleransi, sikap bekerjasama, muafakat, prihatin, hormat-menghormati dan berbudi bahasa. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa Juli Edo (2005) & Anidah Alias (2012) jelas sekali memperkatakan akan nilai-nilai budaya yang selama ini menjadi pandangan hidup masyarakat Orang Asli Temiar dalam membentuk sebuah ketamadunan yang unggul. Oleh itu, menerusi kajian ini akan memberikan tumpuan terperinci terhadap nilai budaya yang tergambar dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli yang akan dapat mempamerkan keistimewaan dan keunikan khazanah serta dapat meningkatkan ketinggian tamadun masyarakat Orang Asli Temiar dari pelbagai aspek.

2.0 Penyataan Masalah

Penyelidikan dan pengumpulan bahan-bahan berkaitan dengan nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar masih lagi kurang dilakukan oleh para penyelidik. Bertitik-tolak daripada beberapa pandangan dan pendapat yang membicarakan secara langsung tentang nilai budaya ini. Menurut, Taib Osman (1992:2) yang menyatakan cerita lisan berperanan menyalurkan pengajaran dan menyampaikan didikan moral kepada khalayak masyarakatnya pada satu ketika dahulu. Menurut, Ibrahim Marijah (2014) kebanyakan masyarakat berpendapat bahawa cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dianggap hanya rekaan semata-mata, sekadar berhibur dan tidak mempunyai nilai-nilai pengajaran dalam kalangan masyarakat. Tambah beliau lagi, golongan muda terutamanya masyarakat Orang Asli sendiri tidak berminat untuk mempelajari dan mendengar cerita-cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar kerana menganggap cerita tersebut tidak logik dan memperlihatkan ketidakcerdikan akal manusia. Selain itu, Zawawi Ibrahim (1996:17) menyatakan bahawa untuk memartabatkan khazanah bangsa Orang Asli perlu melalui tindakan awal dengan 'mengimbas semula' (*appropriation*) sejarah milik mereka dan memberikan suatu fahaman dengan menidakkan secara kreatif dan bermanfaat





segala macam apa yang tersurat di dalamnya. Masyarakat Orang Asli perlu menuju kepada pemahaman sejarahnya sendiri yang ditulis dalam mitos, legenda dan cerita-cerita rakyatnya yang penuh kiasan dan pengajaran, yang menunjukkan Orang Asli bukan lagi sebagai objek, tapi sebagai subjek, yang mempunyai *universal humanisme* yang tersendiri.

Sementara itu, Norazam Ibun (2010:26) menyatakan bahawa cerita rakyat masyarakat Orang Asli tidak sehebat kajian cerita rakyat Melayu. Sekiranya ada sesuatu penyelidikan dijalankan mengenai cerita rakyat Orang Asli namun hanya tertumpu pada aspek sosial sahaja dan menyentuh aspek budaya. Dalam erti kata lain, bidang yang melibatkan kesusasteraan asli dan garapan hasil kreatif yang muncul melalui ilham dan pemikiran masyarakat Orang Asli tidak diberi perhatian secara mutlak oleh penyelidik. Menurut, Mohd Fahmi Ismail (2016) kajian bersifat tentang cerita yang menjadi khazanah warisan masyarakat Orang Asli Temiar belum dikaji secara sistematik. Justeru situasi ini dengan sendiri mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada satu kajian baharu mengenainya. Seterusnya, Syukri Yasin (2017) menyatakan bahawa, kajian terhadap cerita rakyat Orang Asli tidak dilakukan secara ilmiah tetapi banyak kajian yang dihasilkan lebih menumpukan kepada etnografi, sosial dan budaya sahaja. Tambahan lagi hasil kesusasteraan rakyat Orang Asli khususnya cerita rakyat dianggap tidak berfaedah. Seterusnya, Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria (2013) berpendapat bahawa perkara yang berkaitan dengan cerita mitos dan legenda ini dianggap dongeng serta sekadar untuk hiburan bagi mengisi masa lapang semata-mata. Menurut, Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria (2013) berdasarkan hasil temu bual ke atas responden masyarakat Orang Asli mendapati bahawa masyarakat ini khususnya golongan muda beranggapan cerita rakyat sebagai dongeng dan mitos semata-mata dan tidak mempunyai nilai pengajaran di dalamnya.

Ancaman kepada seluruh aspek kehidupan masyarakat Orang Asli juga telah diperkatakan Faridatul Akma dan Siti Rasidah (2005) yang mengemukakan pendapat tentang tinggalan dan amalan hidup masyarakat Orang Asli yang terus diancam tekanan kemajuan negara untuk menuju arah pembangunan negara yang menghala kepada pemodenan. Ekoran itu, perkara tersebut telah mencipta nilai-nilai baru dan pengaruh asing yang menggugat kehidupan masyarakat yang menyebabkan berlakunya kepupusan identiti budaya dan warisan mereka. Selain itu, sikap masyarakat Orang Asli sendiri yang masih tidak jelas tentang kepentingan dan keperluan menjaga budaya yang diwarisi untuk generasi akan datang. Bertitik tolak daripada pernyataan tersebut, pengkaji ingin melengkapkan kajian yang dijalankan pengkaji yang terdahulu berkaitan dengan nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Hal ini kerana cerita rakyat yang dimiliki inimerupakan satu wadah terbaik untuk menyampaikan nilai budaya yang diwarisi cerita rakyat Orang Asli Temiar. Justeru, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dapat dianggap memanifestasikan seluruh aspek kehidupan, lengkap dengan elemen adat kepercayaan dan sebagai lambang jati diri masyarakat ini.





3.0 Objektif Kajian

Objektif kajian utama yang akan difokuskan ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan.

4.0 Metodologi Kajian

Terdapat dua kaedah yang diterapkan dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kepustakaan. Kaedah lapangan merangkumi kaedah temu bual. Kaedah ini penting digunakan dalam kerja mengumpul dan memperoleh data cerita rakyat masyarakat Orang Asli suku Temiar di Kampung Merlung, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Selain itu, bagi rakaman akan dilakukan untuk memudahkan data temu bual dianalisis. Alat bantuan seperti pita rakaman dan rakaman video melalui kamera turut digunakan dalam kaedah ini. Manakala, kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh maklumat, data dan bahan rujukan yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Antara bahan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat tersebut terdiri daripada majalah, akhbar, kertas kerja, prosiding, buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal sains kemanusiaan, risalah, kamus istilah, tesis, disertasi para sarjana, sumber internet dan blog berbentuk akademik. Antara cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang dijadikan bahan kajian ialah “Buah Mangkung dengan Seekor Anjing”, “Burung Kuang dengan Harimau”, “Bertindak Tanpa Akal”, “Sang Kurakura yang Bijaksana”, “Tangkal Hikmah,” “Manusia Jelmaan Anjing” dan “Dendam Terbalas”.

Justeru, teori yang sesuai untuk diterapkan dalam kajian ini ialah Teori Sastera Warisan yang diperkenalkan oleh A. Wahad di Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau pada 22 hingga 24 mac 2005. Teori sastera warisan ini adalah bertitik tolak daripada andaian pujangga dan penggiat senibudaya sama ada diberi nama atau sebaliknya semasa menghasilkan ilham dan cetusan idea serta menghasilkan karya dengan garapan penuh unsur nilai budaya masyarakat untuk tujuan manfaat masyarakat pada ketika itu. Disamping itu, ia dilahirkan untuk pendidikan dan hiburan. Hal ini, ditegaskan oleh A.Wahab Ali (2005: 18) menyatakan bahawa para pujangga silam tanpa atau dengan nama dan para penulis, pengamal budaya atau sasterawan semasa menulis dan mempamerkan sesebuah karya dan nilai budaya itu adalah untuk manfaat masyarakatnya. Menerusi gagasan tersebut, A.Wahab Ali (2005) menerangkan satu contoh warisan dan budaya minum oleh masyarakat. Dalam konteks ini, beliau mengutarakan bahawa seluruh perlakuan hidup manusia dalam budaya hari ini bukanlah tercipta saat dan ketika ini segalanya itu manusia diwarisi dari budaya yang lampau. Idea teori Sastera Warisan ini muncul menerusi hasil daripada pengalaman meneliti, mengajar, mempraktikkan dunia kreatif sebagai sasterawan, penggiat seni dan budayawan. Cetusan ini terhasil daripada gabungan jalin tiga macam pengalaman itu, mendapati sastera Melayu itu boleh dikaji





dan dikritik dengan menggunakan teori sastera warisan. Kaedah pendekatan teori sastera warisan ialah kaedah sejarah, kaedah pertalian teks, kaedah pencernaan pengaruh, kaedah perbandingan, kaedah genre, kaedah moral dan kaedah campuran daripada kaedah-kaedah yang disebut di atas.

5.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian dan perbincangan ini menumpukan nilai budaya yang diutarakan oleh Juli Edo (2005) & Anidah Alias (2012) seperti menghormati orang lain, kesejahteraan, keharmonian sejagat, bermuafakat, berbudi bahasa, menunaikan janji, keamanan dan adat istiadat. Nilai budaya ini diterapkan dengan kaedah yang sesuai di dalam Teori Sastera Warisan A. Wahab Ali (2005). Nilai budaya menghormati merupakan nilai terdapat sistem nilai masyarakat ini. Nilai dibahagikan kepada dua iaiti menghormati hak orang lain dan makhluk lain. Menghormati hak orang lain merupakan satu perasaan menghargai, memuliakan dan memandang tinggi terhadap apa yang berada di sekeliling. Perasaan tersebut lahir secara semula jadi tanpa dipaksa dan dipengaruhi oleh sesiapa pun (Wan Mohd Mahyiddin, 1985:145). Seterusnya, Abd Rahim Abd Rashid (2001) menyatakan bahawa memuliakan orang lain dengan memberi penghormatan tanpa mengira kedudukan, umur dan status. Penghormatan tersebut bukan melalui budi bahasa tetapi menyemai perasaan hormat akan hak dan harta benda yang diperoleh oleh seseorang. Menurut, Juli Edo (2005) nilai menghormati hak orang adalah nilai penting yang pegangan utama masyarakat Orang Asli. Kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar juga sangat mementingkan nilai budaya menghormati hak ini. Nilai budaya menghormati hak orang lain dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Sang Kura-kura yang Bijaksana*. Hal ini jelas tergambar menerusi petikan 1 tersebut:

Petikan 1

“Pada suatu hari datang seekor jantan yang garang, gagah dan besar menghampiri untuk makan buah pisang tersebut. “ Wahai sang beruk jangan kamu ambil buah ni adalah milik saya, saya menunggu dan diperintah oleh orang tertentu” kata sang kura-kura. Lalu beruk tersebut tahu dan pergi ke tempat lain dan akhir memperoleh buah pisang di pokok lain”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Berdasarkan kepada petikan 1 cerita rakyat tersebut, pencerita menggambarkan nilai budaya menghormati hak orang lain ditampilkan melalui watak Beruk Jantan. Hal ini dapat dilihat melalui kata kunci seperti “tahu dan pergi” melalui ayat lengkap yang terdapat dalam petikan seperti “Lalu beruk tersebut tahu dan pergi ke tempat lain dan akhir memperoleh buah pisang di pokok lain”.





Sehubungan itu, kata kunci “tahu dan pergi” tersebut jelas memperlihatkan sikap menghormati hak orang menerusi watak Beruk Jantan dalam cerita ini. Sikap menghormati hak orang lain jelas terpancar ketika mahu memakan buah pisang yang sedang masak tetapi hasrat tersebut terpaksa dilupakan kerana buah dijaga oleh jaga dan dikawal oleh Sang Kura-kura yang berada berhampiran dengan pokok pisang tersebut. Ekoran daripada itu, Beruk Jantan sikap menghormati yang lahir dalam diri, dia pergi mencari buah pisang di tempat lain bagi mengelakkan berlakunya persengketaan dengan Sang Kura-kura.

Nilai budayamuafakat juga merupakan nilai budaya yang wujud dalam sistem nilai budaya masyarakat terpinggir ini. Muafakat merupakan satu bentuk perbincangan, persidangan, permesyuaratan rundingan dan perbincangan, rapat, syura dan membuat keputusan (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002:64). Muafakat juga didefinisikan sebagai satu forum, rundingan, mesyuarat dan perbincangan yang dijalankan dalam satu masa yang melibatkan ramai pihak bagi menyelesaikan dan memikirkan cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Mohd Yusoff, 2007:117). Seterusnya, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015: 81) menyatakan muafakat adalah satu bentuk perbincangan, perundingan dan musyawarah bagi membina satu persetujuan dan kesepakatan semua pihak. Nilai budaya muafakat juga dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat yang berjudul *Sang Kura-Kura Yang Bijaksana*.

Petikan 2

“Jadi sang helang teringin sangat hendak pergi dan tengok apa yang ada di dalam sana. Setelah dipujuk maka oleh sang helang maka sang kura-kura bersetuju dengan keinginan sang helang. Mereka mencapai satu rundingan dan perbincangan dengan menetapkan masa sesuai untuk turun ke dalam sungai”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Rentetan itu, nilai budaya muafakat juga dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Sang Kura-kura yang Bijaksana*. Menerusi petikan tersebut, informan mengilhamkan nilai budaya muafakat yang dijalankan oleh Sang Kura-kura dengan Sang Helang. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan seperti “rundingan dan perbincangan” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Mereka mencapai satu rundingan dan perbincangan dengan menetapkan masa sesuai untuk turun ke dalam sungai.” Sehubungan itu, dua ungkapan “rundingan dan perbincangan” tersebut jelas memperlihatkan nilai budaya muafakat yang dipamerkan kedua-dua binatang iaitu Sang Kura-kura dengan Sang Helang dalam mencari kata sepakat. Sang Kura-kura dan Sang Helang berbincang





dengan menemui kata sepakat hasil muafakat tersebut bagi menentukan masa yang sesuai untuk kedua-dua untuk turun ke dasar sungai. Kata sepakat ini penting bagi menyempurnakan hayat dan keinginan Sang Helang untuk melihat kerak bumi seperti mana diceritakan oleh Sang Kura-kura. Melalui rundingan tersebut mereka sepakat untuk turun pada waktu pagi kerana pada waktu air tenang dan sejuk. Menerusi nilai budaya tersebut kaedah pengaruh pencernaan sesuai diaplikasikan dalam petikan nilai budaya di atas. Hal ini kerana, kaedah ini digunakan untuk melihat unsur luar yang masuk dalam teks budaya sastera dan unsur tersebut mendatangkan kesan menyegarkan atau mengharu-birukan sastera (A. Wahab Ali, 2005). Kaedah ini digunakan untuk mengkaji sesebuah teks sastera khususnya cerita rakyat untuk melihat hubungan teks dengan teks yang lain. Penelitian dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini karya ini ditujukan kepada masyarakat Orang Asli Temiar ini. Dalam konteks ini, pencerita berupaya menyampaikan pemikiran berasaskan nilai budaya yang boleh digunakan untuk manfaat dan mesej yang disampaikan kepada masyarakat ini. Jelaslah kaedah ini sangat bertepatan dengan nilai budaya yang dikemukakan di atas dan sesuai dijadikan rujukan penting untuk memperoleh budaya menerusi sesebuah teks sastera ini.

Seterusnya, nilai kesejahteraan merupakan salah satu nilai penting yang terdapat dalam nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar. Menurut, Yahaya Mahamood & Tan Joo Peng (2006) menjelaskan antara cabang kesejahteraan seseorang manusia ialah persahabatan, berilmu, perhubungan integriti, penzahiran diri, kesihatan, kebebasan, jaminan ekonomi, harta, masa berehat dan berkasih-sayang sesama makhluk alam. Hal ini disokong oleh, Rohani Nasir & Fatimah Omar (2006: 34) menyatakan kesejahteraan merupakan elemen penting dalam menentukan tahap ketinggian kualiti dalam kehidupan manusia yang mampu memberikan satu jaminan sesebuah kehidupan lebih baik dan mampan. Menerusi petikan 4 cerita rakyat di bawah, nilai kesejahteraan dapat dilihat ini menerusi watak Mak Miskin yang berusaha memenuhi keperluan dan kehendak anaknya untuk membesar dengan sihat dan sempurna. Mak Miskin memelihara anaknya seorang diri walaupun dia menyedari anak yang dilahirkannya bukan manusia tetapi seekor anjing. Hal ini dapat dilihat melalui frasa “sihat dan membesar dengan sempurna” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Anaknya sihat dan membesar dengan sempurna seperti orang lain.” Sehubungan itu, frasa “sihat dan membesar dengan sempurna” tersebut jelas memperlihatkan perasaan dan tindakan Mak Miskin yang berusaha memelihara anaknya Beliau berusaha sedaya upaya untuk memenuhi kesejahteraan anak tunggalnya dengan memberikan kasih-sayang yang sepenuhnya, memastikan anak bebas daripada ancaman penyakit dengan menyediakan sebuah rumah yang terletak jauh dengan penduduk yang lain. Sikap dan tanggungjawab Mak Miskin ini wajar di contohi di mana sanggup berkorban demi memastikan tahap kesejahteraan anak dipenuhi dengan apa cara





sekalipun walaupun beliau sudah tua. Cerita rakyat “*Manusia Jelmaan Anjing*” yang telah diceritakan oleh Ibrahim Marijah (2014) menggambarkan elemen kesejahteraan masyarakat Orang Asli Temiar. Hal ini, terbukti menerusi petikan di bawah:

Petikan 3

“Selama lama, dia melahirkan anak yang menyerupai seekor anjing. Dengan penuh kasih sayang dia memelihara anak tersebut walaupun merupakan seekor anjing. Anaknya sihat dan membesar dengan sempurna seperti orang lain”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Selain itu, nilai budayakeharmonian sejagat merupakan nilai budaya ketiga dalam nilai budaya utama masyarakat Orang Asli Temiar yang akan dibincangkan. Nilai ini memainkan peranan penting dalam pembentukan amalan budaya masyarakat ini pada masa dahulu dan kini. Juli Edo (2005: 172), yang menyatakan bahawa keharmonian ialah kebebasan dan tidak melibatkan perselisihan antara sesama manusia di alam nyata, sama ada manusia di alam nyata dengan makhluk di alam ghaib dan persengketaan antara makhluk alam ghaib dengan makhluk alam ghaib yang lain. Seterusnya, menurut Or Khai Hee dalam Hanipah Hussin (2010) definisi keharmonian membawa hidup secara bebas dan aman damai antara manusia tanpa mengambil kira bangsa, agama mahupun kaum. Kekukuhan dan keutuhan sebuah hubungan harmoni sesama makhluk di alam nyata sangat penting untuk menghindari kejadian yang tidak baik yang bertitik tolak daripada persengketaan dan perselisihan faham dalam meniti kehidupan yang akan datang. Sehubungan dengan itu, keharmonian merupakan perhubungan dan pergantungan dengan makhluk atau benda-benda yang berada di sekeliling manusia sama ada bernyawa atau tidak bernyawa. Jika dilihat kepada hakikat penciptaan manusia adalah berbeza secara fitrah berbanding dengan makhluk yang lain namun tidak boleh bersengketa di antara satu sama lain, malah haruslah menjadi tunjang saling memerlukan dan menjalinkan persahabatan yang lebih akrab (Sayyed Qutb et Roshidi Hassan, 1993: 21-22). Nilai budaya keharmonian sejagat turut ditekankan oleh pencerita masyarakat Orang Asli Temiar, bagi memperincikan unsur penting bagi mencorakkan kehidupan masyarakat ini. Hubungan tidak hanya sesama manusia tetapi meliputi hubungan semasa makhluk dan makhluk ghaib yang lain. Menerusi cerita rakyat di bawah pencerita menggambarkan perhubungan dan pertalian yang terjalin secara teguh dan tulus sesama makhluk bermula dari sejak lahir. Hal ini dapat digambarkan menerusi watak Beruk jantan yang menjalinkan hubungan yang baik dengan manusia di kampung tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui frasa-frasa seperti “damai bagi setiap penghuni-penghuni di situ” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Beruk membina sebuah kampung aman dan damai bagi setiap penghuni-penghuni di situ dan merupakan seorang pahlawan di kampung tersebut.” Sehubungan itu, frasa “damai bagi setiap penghuni-penghuni di situ” tersebut jelas memperlihatkan tentang tindakan watak seekor Beruk Jantan mewujudkan perhubungan yang erat dengan manusia. Walaupun berlainan keturunan dan bentuk fizikal namun beruk ini boleh menyesuaikan diri dengan





hidup dalam kawasan kampung yang dipenuhi dengan manusia. Beruk ini bebas melakukan apa sahaja yang disukai tanpa ada sekatan dan halangan daripada manusia. Beruk ini, bebas dari segala bentuk persengketaan sesama makhluk dan manusia. Atas faktor ini Beruk jantan memperoleh keharmonian sejagat ini dalam kehidupannya tinggal bersama-sama dengan penduduk kampung yang terdiri daripada manusia. Pencerita cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar turut menekankan unsur nilai keharmonian sejagat ini. Kepakaran dan kebijaksanaan Ibrahim Marijah dalam mengutarakan nilai keharmonian terserlah. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat yang bertajuk *Bertindak Tanpa Akal* berikut:

Petikan 4

“Ada seekor beruk jantan, merupakan seekor beruk yang paling tua di dalam sebuah kampung itu. Sikap Beruk Jantan yang tidak membuat kampung menjadi kacau-bilau dan perkara yang tidak elok. Beruk membina sebuah kampung aman dan damai bagi setiap penghuni-penghuni di situ dan merupakan seorang pahlawan di kampung tersebut”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Kaedah perbandingan wajar digunakan untuk kajian dan kritikan bagi membandingkan lebih satu teks akan budaya sastera berdasarkan zaman. Hal ini penting bagi melihat dan menilai kekuatan dan kelemahan teks-teks serta tahap pencapaian yang dikaji. Kaedah ini sesuai untuk kajian perbandingan dan kritikan teks yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan zaman masyarakat pada ketika itu atau sebaliknya. Menerusi nilai budaya yang dinyatakan di atas jelas terdapat berbeza dari segi tema, gaya bahasa, latar dan plot. Kepelbagaian unsur yang diterapkan menjadi karya tersebut diminati dan mempercepatkan proses penghayatan khalayak.

Selanjutnya, nilai budaya berbudi bahasa merujuk berdasarkan dua perkataan yang sinoman yang melahirkan perkataan budi bahasa. Makna budi bahasa ialah elemen penting dalam kehidupan masyarakat Melayu yang berkonsepkan daripada pemilihan penggunaan kata dan tingkah laku yang bersopan. Apabila perkataan budi digabungkan dengan kata bahasa ini lahir satu makna percakapan yang elok yang padat dengan tutur bicara yang baik, kaya dengan sikap menghormati orang lain, sikap bersopan santun dan paparan sikap berakhlak mulia (A. Aziz Deraman, 1994:286). Sidek Baba (2009:134) menyatakan bahawa berbudi bahasa ialah terhasil melalui dua gabungan perkataan iaitu budi dan bahasa. Budi dikaitkan dengan sesuatu tingkah, perlakuan yang elok, akal fikiran yang bijaksana dan manakala bahasa ialah penggunaan bahasa yang indah dan baik semasa bertutur. Berbudi bahasa ditafsirkan merujuk ke arah tutur kata, perilaku, tindakan, kelakuan yang baik, bersopan santun, memiliki tata terbit dalam diri, memiliki akal yang bijaksana dan selalu melakukan kebajikan setiap masa yang terangkum dalam kata berakhlak mulia (Rosni Abdul Majid, 2013). Sehubungan itu, nilai budaya berbudi bahasa merupakan satu nilai kepentingan yang dihayati dan





difahami oleh seluruh ahli dalam masyarakat terutamanya golongan muda dan kanak-kanak tukang mengambil satu pendekatan yang kreatif untuk menyampaikan nilai budaya ini. Pendekatan yang dikesan ialah dengan menyelitkan unsur nilai budi bahasa di dalam ceritanya. Hal ini, dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Tangkal Hikmah*. Hal ini jelas tergambar menerusi petikan 5 tersebut:

Petikan 5

“Ada seorang anak yang amat mereka sayangi iaitu anak yang bongsu. Anak tersebut berumur muda namun dia sangat menghormatinya dan dipenuhi dengan perilaku berbudi bahasa yang tinggi ketika bercakap berbanding dengan anaknya yang lain. Rajin membantu mereka mengerjakan ladang. Anak di sayangi oleh mereka berdua”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi petikan 5 di atas, pencerita memberikan gambaran nilai budaya berbudi bahasa menerusi watak seorang anak yang bernama Si Bongsu. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan seperti “perilaku berbudi bahasa” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Anak tersebut berumur muda namun dia sangat menghormatinya dan dipenuhi dengan perilaku berbudi bahasa yang tinggi ketika bercakap berbanding dengan anaknya yang lain”. Sehubungan itu, ungkapan “perilaku berbudi bahasa” tersebut jelas memperlihatkan perilaku yang berakhlak dan penuh dengan nilai berbudi bahasa yang terpancar menerusi watak Si Bongsu. Walaupun masih kecil tetapi perilaku terpuji dan kesopanan dalam berbicara dengan kedua-dua ibu bapa sangat terserlah. Sikap yang dipamerkan ini berbeza dengan kelakuan abang dan kakaknya yang lain yang kurang sopan dan tidak menghormati kedua-dua ibu bapanya. Justeru sikap yang lahir dalam diri Si Bongsu menyebabkan kedua-dua ibu bapa sangat menyayangi dan tidak sanggup berpisah dengannya. Jelaslah masyarakat Orang Asli Temiar juga sangat mengutamakan nilai berbudi yang perlu diterapkan kepada diri masyarakat bagi mewujudkan suasana yang aman dan harmoni. Hal ini ditegaskan oleh Juliyah Yaacob (2014:106) nilai budaya budi bahasa dalam setiap individu untuk mencorakkan perwatakan dan peribadi yang berakhlak mulia. A. Aziz Deraman (2010:17) budi bahasa merupakan adat atau perhiasan peribadi yang meletakkan seseorang itu sebagai seorang bermaruah dan bernilai di sisi masyarakatnya. Nilai budaya menunaikan janji juga salah satu nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat ini. Masyarakat Orang Asli Temiar juga meletakkan nilai menunaikan janji sebagai landasan yang penting dalam nilai lain dalam budaya mereka. Istilah janji merupakan satu pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi (mengikat) janji kepada orang lain. Setia apa yang dilafazkan sama ada secara sedar atau sebaliknya adalah janji. Islam membenarkan berjanji berkenaan perkara-perkara yang baik sahaja dan tidak sesekali mengingkarinya (Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid 2002:95).





Seterusnya, menurut Muhammad Al-Ghazali (2008:115) menyatakan bahawa janji merupakan satu perkara yang telah ditetapkan yang telah dibuat dan harus dilaksanakan menunaikan janji dapat diertikan sebagai menunaikan dengan sempurna tentang apa yang yang dijanjikan sama ada secara zahir dan batin. Menunaikan janji adalah satu amalan yang dituntut dalam agama. Menunaikan janji adalah satu tanggungjawab yang harus ditunaikan. Setiap kata yang dilafazkan tanpa mengira waktu dan tempat dan umur dan siapa yang dijanji harus ditunaikan dengan sebaiknya, (Mohd Abdul Qadir, 1997:22). Masyarakat Orang Asli Temiar juga menerapkan nilai budaya menunaikan janji dalam kehidupan mereka seharian. Menyedari kepentingan ini, menggarapkan nilai budaya menunaikan janji dalam cerita rakyat yang berjudul *Buah Mangkung dengan Seekor Anjing*. Hal ini jelas terpancar menerusi petikan 6 berikut:

Petikan 6

Isterinya mahu pemuda tersebut berjanji agar tidak menceritakan asal-usulnya kepada semua orang. “Abang haruslah berjanji agar tidak memberitahu sesiapa tentang asal usul bagi mengelakkan diri dihina dan menjadi bahan ejekan” kata Isteri. “Baiklah jika itu yang mahukan abang akan tunaikan” Jawab Si Pemuda. Apabila tiba kampung semua orang terkejut, terpegun akan kecantikan dan mengatakan gadis daripada datangnya namun pemuda tidak memberitahu asal-usul isterinya.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Berdasarkan petikan 6 cerita rakyat di atas, nilai budaya menunaikan janji ini ditampilkan menerusi watak Si Pemuda. Si Pemuda menunaikan janji kepada isterinya dalam cerita rakyat ini supaya tidak memberitahukan ibu mertuanya dan penduduk kampung tentang asal-usulnya. Hal ini dapat dilihat melalui frasa seperti “haruslah berjanji” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Abang haruslah berjanji agar tidak memberitahu sesiapa tentang asal usul bagi mengelakkan diri dihina dan menjadi bahan ejekan” kata Isteri”. Sehubungan itu, frasa “haruslah berjanji” tersebut jelas memperlihatkan nilai budaya menunaikan janji yang ditampilkan menerusi watak terpuji Si Pemuda. Si Pemuda menunaikan janjinya terhadap isterinya agar tidak sesekali menceritakan asal usul isterinya kepada sesiapa sahaja termasuklah ibu mereka. Permintaan ini diutarakan oleh isterinya bagi mengelakkan maruah isterinya dihina, diejek dan tidak mahu dijadikan bahan bualan masyarakat kampung tentang kelahirannya menerusi jelmaan buah mangkung. Si Pemuda menunaikan janji seperti yang diminta oleh isterinya sehinggalah mereka terpisah. Kaedah moral yang digariskan dalam Teori Sastera Warisan juga adalah salah keadah yang diterapkan dalam teori sastera warisan ini. Tidak dinafikan keadah seringkali wujud dalam teori sastera yang lain. Hal ini kerana moral memainkan peranan yang penting kepada kehidupan masyarakat. Menurut A. Wahab Ali (2005:22) kaedah moral ini sesuai





digunakan untuk kajian dan kritikan bagi melihat setiap satu teks atau beberapa jenis teks dengan memberikan fokus kepada buruk baik, moral dan nilai-nilai murni yang wujud dalam sesebuah teks dari perspektif warisan budaya. Selain itu, keadah ini digunakan bagi melihat bagaimana nilai-nilai moral tersebut diadun dalam satu-satu tamadun zaman budaya yang dilalui dan diamalkan oleh sesuatu masyarakat dan bangsa. Selain itu, pendekatan moral medium yang merangkam keperluan zaman yang memiliki kaedah bagi mengajak masyarakat ke arah pembentukan budi perkerti yang baik.

Selain itu, nilai budaya keamanan ini dapat menggambarkan satu nilai yang merujuk kepada keadaan hidup yang aman, sejahtera, bebas melakukan apa sahaja tanpa adanya gangguan semua pihak, bebas daripada ancaman, bahagia dalam kehidupannya. Pernyataan selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hashim Musa (2008:70) yang menyatakan bahawa minda dan hati budi yang tidak terbeban oleh penaklukan dan dominasi pihak asing sama ada secara fizikal, mental, emosional dan intelektual akan melahirkan insan yang bermutu dan membawa setiap individu selamat dan bebas daripada gangguan atau penindasan daripada pihak tertentu yang sentiasa mengambil kesempatan. Menerusi sistem nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar, nilai keamanan merupakan tunjang utama di dalam kehidupan mereka. Sementara itu juga, keamanan bukan sahaja unsur dan usaha untuk lari dari konflik, peperangan dan keganasan tetapi meliputi usaha dan matlamat ke arah keseimbangan dalam kehidupan, mengelakkan daripada berlakunya penindasan, melarang pencabulan hak asasi, memberi ketenangan jiwa dan bertindak adil ke atas individu dan masyarakat. Berdasarkan kepada petikan 8, nilai budaya keamanan ditampilkan melalui watak Burung Kuang. Burung Kuang telah menggunakan strategi keamanan dalam kehidupannya. Hal ini dapat dilihat daripada ungkapan seperti “aku pun mahu hidup dengan aman dan bebas” melalui ayat lengkap yang terdapat dalam petikan seperti “Aku pun mahu hidup dengan aman dan bebas seperti kawan-kawan aku yang lain” kata Burung Kuang.” Ibrahim Marijah (2014) menggambarkan watak Burung Kuang yang mengutamakan keamanan dalam kehidupannya. Hal ini tercetus apabila Burung Kuang mengetahui tujuan Harimau ingin mendekati dan menjalinkan persahabatan tetapi mempunyai niat lain iaitu ingin memakan dagingnya. Pada suatu petang Harimau merancang satu tipu muslihat dengan bertanya bunyi dan kedudukan Burung Kuang semasa berkukur. Lalu Burung Kuang menceritakan kepada Harimau bahawa sekiranya ia berbunyi *kuakkk kuakkk* tandanya ia berada di bawah pokok dan apabila ia berbunyi berbunyi bunyi *kurrr kurrr kurrr*, maka ia berada di atas pokok. Setelah, hari malam Harimau mendengar bunyi *kuakkk kuakkk kuakkk* dan berharap Burung Kuang berada di bawah pokok, dakwaan dan sangkaannya tersasar apabila sampai di tempat tersebut Burung Kuang sebenarnya berada di atas. Selepas kejadian tersebut Burung Kuang pun terus terbang ke udara dan tidak kembali ke tempat tersebut. Justeru, helahnya itu telah berjaya menyelamatkan dirinya daripada menjadi mangsa harimau yang ganas. Nilai keamanan boleh dilihat menerusi cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini yang berjudul *Burung Kuang dengan Seekor Harimau*. Hal ini jelas tergambar menerusi petikan 7 berikut:





Petikan 7

Harimau apabila mendengar bunyi kuakk merasakan dia berada di bawah lalu di pergi menangkap burung kuang tetapi gagal kerana burung kuang berada di atas berada di atas pokok pada ketika itu dan hairan. "Macam mana kamu bunyi kamu berada di bawah berkukur berada di bawah," kata harimau " Itu tipu helah aku. Kamu tahu saya lebih bijak daripada kamu dan aku tahu kamu hendak makan aku. Aku pun nak hidup dengan aman dan bebas seperti kawan-kawan aku yang lain" kata Burung Kuang.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Nilai budaya mengamalkan adat istiadat juga antara nilai budaya yang terdapat dalam cerita masyarakat ini. Adat istiadat membawa maksud membawa kepada pengertian adat adalah undang-undang (larangan) dan istiadat pula membawa maksud lebih memfokuskan kepada upacara seperti perkahwinan, kematian dan pertabalan (Haron Daud, 1989:18). Manakala, menurut Juli Edo (2005:1) adat istiadat membawa maksud kepada dua pecahan yang utama iaitu hukum dan alam dan kedua membawa kepada pengertian cara hidup. Adat dalam konteks adat istiadat lebih terarah kepada pengertian kedua merujuk kepada kebudayaan dalam masyarakat. Adat ini menjadi kebiasaan yang diamalkan sejak turun-temurun merangkumi nilai-nilai, cara hidup, sistem kepercayaan, budaya dan agama. Adat istiadat juga merupakan peraturan sosial yang di dalamnya terkandung dengan kod etika dan moral yang berasaskan nilai-nilai sosial yang tercungkil dalamnya (Wan Abdul Kadir, 2000). Seterusnya, pendapat yang dikemukakan oleh Jeniri Amir (2010: 57) adat istiadat bertujuan mewujudkan perpaduan agar setiap masyarakat dapat hidup tanpa gangguan daripada semua pihak dan seterusnya dapat hidup dengan harmoni. Sewang merupakan salah satu adat istiadat yang diamalkan dan diwarisi oleh mereka sejak dahulu kala lagi. Perkataan sewang membawa kepada adalah upacara menyanyi (menurun) untuk mendapat ilham kepada sesuatu perkara. Menurut Mohd Anis Md Nor (2005:167) sewang temiar adalah upacara yang dilakukan oleh suku kaum Orang Asli Temiar. Seterusnya, Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman (2012) adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli Temiar bagi mewujudkan satu sistem yang menjadi pegangan dan amalan di dalam kalangan mereka. Amalan yang diamalkan dalam seluruh kehidupan mereka seperti adat, kepercayaan dan ritual dicorakkan selaras dengan dasar asas perkembangan semula jadi manusia dan sebagai keperluan nilai sosial bagi memenuhi keperluan hidup masyarakat Orang Asli Temiar ini. Menurut, Anidah Alias (2012) adat istiadat yang terdapat dalam struktur hidup masyarakat Orang Asli Temiar mencerminkan ketinggian tamadun dan pemikiran masyarakat ini. Nilai budaya adat istiadat sewang temiar masyarakat Orang Asli Temiar ini terdapat dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk *Sang Kura-kura yang Bijaksana*. Hal ini, tergambar menerusi petikan 8 di bawah:





Petikan 8

Sang kura-kura tiba di sebuah kampung yang ketika sedang melakukan persiapan bagi membuka ladang baru bagi menanam tanaman getah. Satu acara yang menjadi warisan mereka ialah sewang. Sewang ini menjadi kebanggaan mereka. Pada malam itu diadakan sewang bagi membuka ladang baru. Tok Halaq memulakan sewang dengan lancar. Semua orang ke sana untuk memeriahkan warisan sewang ini.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Berdasarkan kepada petikan 13 cerita rakyat tersebut, pencerita menggambarkan nilai budaya adat istiadat melalui upacara sewang temiar membuka ladang baru. Hal ini dapat dilihat melalui rangkaian kata seperti “sewang temiar bagi membuka ladang baru” melalui ayat lengkap yang terdapat dalam petikan seperti “Pada malam itu diadakan sewang temiar bagi membuka ladang baru.” Sehubungan itu, menerusi frasa “sewang temiar bagi membuka ladang baru” tersebut jelas satu upacara yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli Temiar dalam kehidupan mereka. Penduduk kampung mengadakan upacara sewang temiar bagi membuka ladang agar tanaman yang baru diusahakan mengeluarkan hasil yang baik. Upacara sewang temiar dijalankan di rumah Tok Batin mereka dengan dibina sebuah pentas untuk upacara sewang ini. Justeru menerusi keadah sejarah wajar diaplikasikan dalam kedua-dua nilai budaya ini. Menurut A. Wahab Ali (2005) menyatakan bahawa kaedah sejarah digunakan bagi meneliti perkembangan unsur sastera yang sudah dibudayakan dalam karya terdahulu. Melalui keadah ini boleh dibuat dan susujalur dan periodisasi berkaitan dengan perkembangan bidang sastera ini berdasarkan unsur-unsur budaya yang dominan dalam masyarakat tersebut. Unsur budaya yang didominasi tersebut ialah pemikiran, budaya hidup, perlakuan masyarakat, adat resam, pantang larang, bentuk arca, unsur nilai, budaya material, ekonomi, sosial, kesenian, unsur perlakuan, unsur gaya dan bahasa, unsur estetika karya dan sebagainya. Unsur dominan yang memenuhi tuntutan dalam mengkaji sesebuah karya dan elemen budaya yang wujud sejak dahulu lagi. Menerusi kaedah sejarah ini turut digunakan bagi meneliti sesebuah teks baharu atau ketika zaman dahulu dengan cara menelusuri dan mengamati kewujudan unsur-unsur nilai budaya sastera tertentu untuk membicarakan berkaitan dengan kedudukan dan tahap pencapaian karya teks yang dikaji. Seseorang pengkaji dan pengkritik yang mahu menggunakan kaedah ini memerlukan pengetahuan yang luas mengenai sesebuah genre sastera atau sejarah sastera yang berlaku sebelumnya dan di samping penggiat, pengkaji dan pengkritik harus mempunyai pengetahuan yang luas tentang sastera sezaman dan terkini serta mengetahui latar sejarah budaya sesuatu bangsa yang ingin dikaji (A. Wahab Ali, 2005).





6.0 Kesimpulan

Analisis dan perbincangan terperinci terhadap nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar melahirkan satu pandangan bahawa gagasan nilai ini sebagai satu landasan penting dalam dalam corak kehidupan masyarakat. Pemahaman, penghayatan dan mengamalkan nilai diputuskan sendiri oleh komuniti ini tanpa pengaruh dan campurtangan pihak lain. Hal ini penting kerana identiti dan jatidiri masyarakat Orang Asli Temiar ini tidak terhakis dan terkubur lantaran perkembangan nilai-nilai budaya yang hadir selari dengan arus kemajuan. Jati diri masyarakat ini tetap kukuh kerana mereka masih lagi mengamalkan sistem adat dan kepercayaan yang diwarisi ini. Kepercayaan dan keyakinan terhadap nilai budaya dalam sistem adat dan kepercayaan satu kesan positif kepada kesejahteraan, keharmonian dan kebahagiaan untuk kesinambungan hidup mereka. Kesan yang diilhamkan melalui nilai budaya dijadikan satu garis panduan bagi mereka membuat pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap keputusan penting sama ada meninggalkan kesan yang baik atau sebaliknya. Lantas, kehidupan yang kaya dengan nilai yang diterapkan masuk ke dalam jiwa masyarakat menerusi daya kreatif yang disampaikan menerusi medium cerita rakyat. Justeru, dalam konteks penyampaian cerita rakyat sebagai medium utama dalam bukan sahaja mendidik dan berhibur tetapi menggalas tanggungjawab besar untuk menyuburkan nilai budaya yang diwarisi sejak turun-temurun ini ke jiwa setiap ahli masyarakatnya.

Berdasarkan dapatan pengkaji, komponen nilai budaya yang dikemukakan oleh Juli Edo (2005) jelas membuktikan bahawa nilai budaya ini sememangnya wujud dan terkukuh rapat dengan *worldview* masyarakat Orang Asli khususnya masyarakat Orang Asli Temiar ini. Oleh itu, adat dan nilai budaya yang diutarakan oleh Juli Edo (2005) dapat mengkonkritkan lagi jalinan yang timbul di antara nilai-nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Sementara itu, hasil kajian ini diperkembangkan lagi dengan mengaplikasikan teori sastera warisan sebagai satu landasan penting kajian. Hal ini, menerusi pendekatan kaedah seperti kaedah sejarah, pertalian teks, pencernaan pengaruh, perbandingan dan moral merupakan elemen penting untuk membuktikan bahawa nilai budaya sememangnya wujud dalam cerita rakyat masyarakat OAT ini. Garapan ini meletakkan meletakkan nilai budaya dan karya ini saling mempunyai hubung kait secara langsung. Hasil daripada percantuman kedua-dua elemen ini akan meletakkan kebudayaan masyarakat peribumi berada tahap yang tersendiri.

Rentetan daripada itu, kajian ini juga menjelaskan terdapat kepincangan di dalam pendapat yang kemukakan tentang cerita lisan khususnya cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Hal ini kerana, cerita rakyat masyarakat Orang Asli khasnya Orang Asli Temiar bukan bahan sekadar cerita mitos dan dongeng untuk berhibur semata-mata tetapi ia mengandungi pelbagai faedah, dan seribu manfaat untuk dihayati oleh khalayak pembaca dan pendengar. Justeru, melalui kebijaksanaan dan kecerdikan tukang cerita atau penglipur lara ini haruslah disampaikan dengan cara yang berbeza. Teknik dan pendekatan baharu yang perlu dikuasai oleh tukang cerita agar cerita rakyat dapat





disampaikan dengan sempurna dan dihayati sepenuh tanpa menjejaskan mesej pentingnya kepada masyarakat. Sehubungan itu, jelas terbukti bahawa khazanah dan warisan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar merupakan satu wadah bacaan dan halwa telinga yang sesuai dijadikan panduan dan disiplin ilmu untuk mengenali ketinggian dan keluhuran kebudayaan masyarakat terpinggir ini. Justeru, secara tidak langsung meletakkan cerita rakyat sebagai wahana berguna dan bermanfaat untuk disimpan sebagai satu khazanah warisan masyarakat yang tidak ternilai harganya.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2010). Kesantunan Berbahasa. Dalam, Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2002). Muafakat dalam Kesejahteraan. Kota Bharu: Pustaka Cemerlang.
- Anida Alias. (2012) Pada Suatu Masa di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar. dalam kertas kerja Regional Conference on Values and Humanities (REVOVH) anjuran Universiti Malaysia Kelantan, pada 2-3 Disember 2012.
- A. Wahab Ali. (2005). Teori Sastera Warisan. Peny Hajjah Jais & Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin DIm Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridatul Akma Abdul Latif & Siti Rasidah Md Sakip. (2005). Pengekalan dan Pemuliharaan Landskap Kampung Melayu. Kajian Kes: Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Shah Alam : Universiti Teknologi Mara, 2005.
- Harun Daud. (1989). Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ibrahim Marijah. (2014). Nilai Budaya dalam Masyarakat Orang Asli. Temu bual pada 14.12.2014.
- Ibrahim Marijah. (2014). 11 Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar. Temu bual pada 20.7. 2014 dan 14.9.2014.





- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli . Kuala Lumpur: Perniagaan Rita
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1990). Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita.
- Juli Edo. (2005) Adat dan Nilai Masyarakat Orang Asli. dalam Orang Asli Khazanah Tersembunyi: Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Juli Edo. (2001). Kosmologi Orang Asli: Satu Pemerihalan Tentang Perjalanan Roh. Peny Yaacob Harun. Kosmologi Melayu. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Juliyah Yaacob. (2014) Penerapan Nilai Berbudi Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu dari Perspektif Murid Darjah Lima. Prosiding on Education GSE, Kuala Lumpur, 4-5 Mach 2014.
- Jeniri Amir. (2010). Peranan Seni dan Budaya Suku Kaum Sarawak. Dalam, Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
- Mohd Abdul Qadir . (1997).Fitrah Muslim Sejati. Johor Baru. Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Anis Md Noor. (2004). Tradisi Persembahan Orang Asli: Di Antara Ritual dan Representasi dalam Seni Persembahan. Dalam Kertas Kerja Seminar Warisan Orang Asli “Antara Mitos dan Realiti” . 10 Mei 2014.
- Mohd Fahmi Ismail. (2016). Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. Tesis Sarjana, Jabatan Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Mohd Firdaus Che Ya’cob. (2015). Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Tesis Sarjana, Jabatan Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Mohd Taib Osman. (1988). Bunga Rampai Kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1992). Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff Ismail. (2007). Akhlak Mulia dan Bimbingan Moral. Puchong: Berlian Publication
- Muhamad Al-Ghazali. (2008). Akhlak Seorang Muslim. Peny. Haji Mohd Rifai. Kuala Lumpur: Crescent News (KI) Sdn. Bhd.





- Norazam Ibum. (2010). Cerita rakyat temuan di Negeri Sembilan: Analisis struktural. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman. (2013). Kajian Kraf Masyarakat Orang Asli Temiar , Kuala Betis. Kota Bahru: Jabatan Kajian Sosial.
- Or Khai Hee (2015). Keharmonian. Peny. Hanipah Hussin. <http://hubunganantik-malaysia.blogspot.com/2010/01/keharmonian> (di akses pada 26/2/2015).
- Rohani Nasir & Fatimah Omar. (2006). Kesejahteraan Manusia Perspektif Psikologi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Abdul Majid. (2013). Nilai-Nilai Murni dan Budi Bahasa. Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.
- Sayyed Qutb. (1993).. Islam dan Keamanan Sejagat. Roshida Hassan (Penterjemahan). Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Sidek Baba. (2009). Melayu Perkasa. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. Kuala Lumpur.Jurnal Iman.
- Syukri Yasin (2017). Cerita Rakyat Masyarakat Terpinggir: Satu Analisis Struktur Cerita. Tesis Sarjana, Jabatan Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid. (2002). Nilai Islam dalam Kehidupan. Kuala Lumpur. Wacana Ilmu
- Wan Abdul Kadir.(2003). "Industri Budaya: Pembangunan Industri Budaya Melayu". Jurnal Aswara. Kuala Lumpur:Penerbit Aswara.
- Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid. (2002). Nilai Islam dalam Kehidupan. Kuala Lumpur. Wacana Ilmu
- Yahaya Mahamood & Tan Joo Peng. (2006). Kemurungan dan Penghargaan Kendiri Kanak-kanak Cacat Pendengaran dalam Manusia Perspektif Psikologi. Et Rohani Nasir & Fatimah Omar Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ibrahim. (1996). Kami Bukan Anti Pembangunan (Bicara orang Asli Menuju Wawasan 2020). Bangi: Vinlin Press Sdn Bhd.

